

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: STADIUM TUANKU ABDUL RAHMAN PAROI, SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN
Tarikh: 06-06-2004
Tajuk : MAJLIS PENUTUPAN RASMI SUKAN MALAYSIA X, 2004
NEGERI SEMBILAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Yang Berhormat Datuk Azalina Othman Said, Menteri Belia dan
Sukan

Yang Amat Berhormat Datuk Mohamad Hassan, Menteri Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus serta Datin,

Yang Berhormat Dato' Haji Lilah bin Haji Yassin, Yang
DiPertua Dewan Undangan Negeri,

Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar serta Ketua
Menteri,

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Exco
Belia dan Sukan Negeri-Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran Ibni Tuanku Jaafar,
Presiden Majlis Olimpik Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-
Datin,

Pegawai-Pegawai dan Atlet-Atlet dari 17 kontinjen,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan para hadirin sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul di majlis penutupan rasmi Sukan Malaysia Kesepuluh pada malam ini.
2. Sukan Malaysia atau SUKMA dimulakan pada tahun 1986 dengan tujuan untuk mencari atlet-atlet remaja negara kita supaya dapat meneruskan kecemerlangan sukan negara di peringkat antarabangsa.

3. Inisiatif ini diambil, kerana Kerajaan sedar tentang kepentingan sukan kepada negara kita. Sukan bukan sekadar pertandingan, permainan ataupun riadah semata-mata. Lebih dari itu, arena sukan merupakan suatu pentas di mana perpaduan kaum dan semangat cintakan negara dapat dipupuk.

4. Bagi atlet-atlet, mereka bersatu padu tidak kira perbezaan agama dan budaya, dan bekerjasama untuk mencapai kemenangan bagi pasukan mereka. Bagi pemerhati dan peminat sukan pula, mereka juga bersatu padu memberi sokongan kepada pasukan negeri atau negara mereka yang bertanding. Dalam keadaan itu, perpaduan serta semangat patriotik mampu dipertingkatkan.

5. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan sukan amat penting kepada kita. Kerajaan menyedari hakikat ini, dan tidak pernah teragak-agak untuk menyediakan dana dan kemudahan-kemudahan lain bagi membolehkan sukan tanah air terus maju dan berkembang. Insya-Allah, kita akan terus memberikan perhatian yang serius kepada arena ini, khususnya kepada latihan-latihan atlet serta penyediaan kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara dengan harapan ianya akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia supaya melibatkan diri dengan sukan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Sukan Malaysia dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1986 dan 1988 di Kuala Lumpur. Selepas itu sukan dwi tahunan ini diadakan di Negeri Sarawak dan Sarawak telah berjaya menjadikan temasya ini sebagai satu acara yang cukup meriah dan berjaya menarik perhatian seluruh negara. Dengan kejayaan Negeri Sarawak itu, maka Sukan Malaysia sudah berjaya menjadi satu produk yang sangat diminati oleh pentadbiran-pentadbiran negeri.

7. Tawaran untuk menjadi tuan rumah Sukan Malaysia mendapat sambutan dan selepas Sarawak, temasya sukan ini telah dianjurkan di Negeri Johor, Perak, Pahang, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan sekarang Negeri Sembilan. Sukan ini akan dianjurkan di Negeri Kedah pada tahun 2006.

8. Saya difahamkan ada negeri-negeri yang sudah menunjukkan minat untuk menjadi tuan rumah Sukan Malaysia 2008 dan juga pada tahun 2010. Ini menunjukkan satu perkembangan yang

baik dari segi kemajuan sukan negara oleh kerana pentadbiran negeri-negeri sudah nampak kepentingan dan peranan yang boleh dimainkan oleh Sukan Malaysia ini.

9. Penganjuran Sukan Malaysia ini bukan sahaja perlu dilihat dari aspek kesukanan tetapi juga dari segi membangunkan semangat daya saing dan "sporting spirit" di kalangan atlet. Ia juga boleh dilihat dari sudut pengurusan acara-acara yang lebih besar. Ia mampu menguji kebolehan kita mengendalikan acara-acara sukan di peringkat antarabangsa.

10. Untuk menguruskan acara yang melibatkan tidak kurang dari 10,000 atlet, pegawai serta pegawai-pegawai teknikal memerlukan satu sistem pembahagian kerja dan pengurusan yang cekap. Sistem ini perlu menguruskan soal-soal pengangkutan, pertandingan, penginapan, sajian, keselamatan, kesihatan, sistem maklumat, guna tenaga, acara-acara kebudayaan dan publisiti dengan cekap supaya segala yang dirancang dan diatur tidak tergendala.

11. Penglibatan semua pihak dalam melaksanakan tugas yang berbagai ini bukan sahaja perlu dilaksanakan dengan baik tetapi memerlukan juga sistem pemantauan yang cekap. Inilah satu-satunya cara yang boleh menguji kecekapan semua elemen yang terdapat di negeri-negeri yang menganjurkan Sukan Malaysia ini.

12. Oleh yang demikian, menjadi tuan rumah Sukan Malaysia sudah semestinya boleh menguji kecekapan pengurusan negeri berkenaan untuk menjayakan acara sukan yang terbesar dan menjadi tumpuan di negara kita.

13. Jikalau negeri yang menjadi tuan rumah berjaya melaksanakan Sukan Malaysia, saya percaya negeri berkenaan turut mampu menguruskan hal-hal dan perkara-perkara yang lain dengan cekap.

14. Walaupun begitu, tidak dinafikan masih terdapat pihak yang tidak melihat sukan sebagai satu bidang yang serius dan perlu diberikan perhatian khusus. Lantaran sikap tersebut, adakalanya terdapat acara yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sedangkan sistem dan cara mengelolakan acara sukan seperti Sukan Malaysia adalah sama dan serupa prinsipnya dengan mengelolakan dan menguruskan mana-mana acara sukan besar yang menjadi tumpuan atau perhatian ramai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Budaya pengurusan sukan di negara ini perlu dilihat semula supaya ia sentiasa dapat disesuaikan dengan kehendak dan perkembangan semasa. Hal ini penting oleh kerana kegagalan untuk mengurus dan menangani perubahan sesuai dengan kehendak semasa akan turut menjejaskan prestasi sukan negara termasuk sukan-sukan yang pada suatu masa dahulu atlet-atlet kita begitu berjaya hingga sampai ke peringkat dunia.

16. Kita sebenarnya tidak boleh sekadar bermegah dan berpuashati dengan kejayaan-kejayaan lampau tanpa mahu membuat sesuatu yang dapat memelihara dan meneruskan kejayaan berkenaan setiap masa.

17. Kepimpinan sukan di semua peringkat perlu melihat semula peranan mereka dalam usaha untuk menggerakkan kegiatan sukan di berbagai peringkat termasuk di daerah-daerah dan kampung-kampung. Justeru, usaha yang sedang digembleng oleh Kementerian Belia dan Sukan sekarang ini yang ingin menyemarakkan Program Sukan Untuk Semua di kalangan rakyat perlu disambut oleh pemimpin-pemimpin sukan di setiap lapisan dengan lebih bersungguh-sungguh.

18. Persatuan-persatuan sukan kebangsaan perlu bertanggungjawab dan melihat supaya setiap ahli gabungannya di berbagai peringkat sentiasa berada dalam keadaan yang aktif bukan sahaja untuk sedia menyambut program-program anjuran Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga menganjurkan aktiviti-aktiviti dan acara masing-masing.

19. Meskipun Kerajaan mempunyai "senjata" untuk memulihkan kelembapan persatuan-persatuan sukan tanah air melalui Akta Pembangunan Sukan 1997, tetapi ini tidak bermakna Kerajaan akan menggunakannya tanpa memberi peluang kepada persatuan-persatuan sukan untuk menjadi lebih aktif dan kemas pengurusannya. Langkah menggunakan akta ini hanya merupakan langkah yang paling akhir.

20. Sukan Malaysia Kesepuluh ini akan berakhir sebentar lagi dan atlet-atlet serta pegawai-pegawai akan berjumpa semula pada tahun 2006 di Negeri Kedah. Dalam tempoh dua tahun yang akan datang, Negeri Kedah sebagai pengelola Sukan Malaysia Kesebelas akan merancang dan melaksanakan segala program dan aktiviti untuk menjadi tuan rumah yang

berjaya dan cemerlang.

21. Persatuan-persatuan sukan juga mesti menggunakan masa selama dua tahun ini untuk meneruskan persediaan supaya kejayaan yang dicapai di Negeri Sembilan ini dapat dipertingkatkan. Dengan usaha yang berterusan ini maka akan lahirlah satu budaya yang sentiasa berusaha untuk mencari yang terbaik setiap masa. Ini sekali gus akan melahirkan rakyat Malaysia yang berdaya saing, tabah dan sedia menghadapi cabaran persejagatan yang tidak mengenal erti sempadan.

22. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pentadbiran Negeri Sembilan yang dipimpin oleh YAB. Datuk Mohamad Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan dan barisan exco beliau dan rakyat Negeri Sembilan kerana berjaya mengelolakan Sukan Malaysia Kesepuluh ini dengan begitu berjaya.

23. Kepada kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian saya juga mengucapkan tahniah dan syabas di atas penyertaan anda semua. Atlet-atlet yang berjaya mestilah meneruskan latihan untuk mencipta kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

24. Apa yang penting, kita jangan sesekali berpuas hati dengan kejayaan yang diraih dalam temasya kali ini. Jika hari ini kita hanya sekadar mampu memecahkan beberapa rekod kebangsaan, saya yakin pada masa temasya akan datang, tidak mustahil akan lahir pula atlet-atlet yang mampu memecahkan rekod Sukan SEA atau Sukan Asia.

25. Walaupun usia sebahagian besar atlet yang mengambil bahagian dalam temasya ini adalah belasan tahun atau di awal 20-an, namun soal tersebut tidak harus dijadikan halangan untuk mencipta kejayaan gemilang untuk diri sendiri, negeri dan negara. Yang penting, kita mesti merasa yakin untuk mencapai matlamat atau sasaran tersebut dengan mendukung teguh semangat Malaysia Boleh.

26. Saya percaya Sukan Malaysia ini berjaya mencungkil bakat-bakat kita melalui johan-johan yang boleh di ketengahkan untuk bertanding di peringkat antarabangsa.

27. Saya juga berharap, Sukan Malaysia bukannya merupakan temasya sukan yang tertinggi dalam penglibatan anda semua dalam sukan. Kita perlu memikirkan Sukan Olimpik sebagai

sasaran khususnya memenangi pingat emas di sukan berkenaan memandangkan kita masih lagi belum berjaya memenangi pingat tersebut. Insya-Allah dengan kesungguhan semua pihak saya percaya kita akan dapat mencapai impian tersebut.

Saya dengan sukacita menutup Sukan Malaysia Kesepuluh ini dengan rasminya.

Sekian, terima kasih.